



-NS

B. MELAYU

kata adjektif

• **Kata adjektif** ialah kata yang berfungsi untuk menerangkan **keadaan** atau **sifat** bagi sesuatu kata nama atau frasa nama.

• Kata adjektif boleh dikenal pasti apabila sesuatu kata itu boleh menerima **kata penguat**. Kata penguat ada tiga jenis, iaitu **kata penguat hadapan** yang hadir sebelum kata adjektif, **kata penguat belakang** yang hadir selepas kata adjektif, dan **penguat bebas** yang hadir sebelum atau selepas kata adjektif.

Kata Penguat Hadapan terlalu, paling, agak, begitu	Kata Penguat Belakang sekali, benar, nian, betul	Kata Penguat Bebas amat, sangat, sungguh
Contoh ayat: <ul style="list-style-type: none">• Pokok di belakang rumah Rahman terlalu rendah.• Masakan ibunya paling sedap.• Lukisan itu agak cantik.	Contoh ayat: <ul style="list-style-type: none">• Kelakuan budak-budak itu nakal sekali.• Rumah di atas bukit itu cantik betul.• Pemandangan di situ indah nian.	Contoh ayat: <ul style="list-style-type: none">• Pakaian pemuda itu amat kemas.• Pakaian pemuda itu kemas amat.• Sungai itu dalam sangat.• Sungai itu sangat dalam.





B. MELAYU

kata adjektif


1. Frasa Adjektif yang diperluas.

Frasa adjektif yang diikuti oleh frasa sendi apabila diperluas.

→ Contoh :

- Saya **gemar** Lagu-Lagu Melayu Asli. (X)
- Saya **gemar akan** Lagu-Lagu Melayu Asli. (✓)
- Kami **benci** sikapnya itu. (X)
- Kami **benci akan** sikapnya itu. (✓)

2. Bentuk Kata Adjektif

- **Kata adjektif tunggal** — terdiri daripada satu perkataan. Contohnya : terang, pendek, gemuk.
 - **Kata adjektif terbitan** — kata adjektif yang menerima imbuhan awalan, sisipan, akhiran dan apitan.
 - **Kata adjektif ganda** — bermaksud makna keadaan sifat yang menyeluruh (besar-besar, cantik-cantik.)
 - **Kata adjektif majmuk** — rangkaian 2 kata dasar atau lebih yang membawa makna tertentu. (merah jambu, hijau daun)
- 



-NS

B. MELAYU

kata adjektif

3. Kata Adjektif Terbitan

i. Imbuhan Awalan ter-

Awalan ter- pada kata adjektif berfungsi sebagai penjelasan keadaan **perbandingan** atau keadaan **'paling'**.

→ Contoh:

- Ali ialah murid yang **terkecil** di kelas itu. (paling kecil)
- Alan ialah murid yang **terkacak** di kelas itu. (paling kacak)

- Apabila kata adjektif sudah berawalan **'ter'** maka **tidak perlu** disertai oleh **kata penguat** yang **lain**.

→ Contoh:

- Zainal mendapat markah paling terbaik. (X)
 - Zainal mendapat markah terbaik. (✓)
 - Ali mendapat markah paling baik. (✓)
- Jika kata adjektif berawalan ter- digunakan, **kata penguat belakang** tidak boleh hadir.

→ Contoh :

- Stadium inilah yang **terbesar** sekali. (X)
- Stadium inilah yang **terbesar**. (✓)





-NS

B. MELAYU

kata adjektif

3. Kata Adjektif Terbitan

ii. Imbuhan Awalan se-

Awalan 'se-' dapat menerbitkan kata adjektif yang berfungsi sebagai memberikan pengertian 'sama dengan'.

→ Contoh:

- Warna baju itu **semerah darah**. (sama merah dengan)
- Gadis itu **secantik bidadari**. (sama cantik dengan)

- Kata adjektif awalan 'se-' membawa makna 'sama dengan' maka tidak perlu diikuti dengan kata sendi 'dengan'

→ Contoh:

- Kereta baharunya tidak **secantik dengan** kereta abang saya. (X)
- Kereta baharunya tidak **secantik** kereta abang saya. (✓)





B. MELAYU





kata adjektif

3. Kata Adjektif Terbitan

iii. Apitanke-...-an

Apitan ke-...-an dapat menerbitkan kata adjektif yang mendukung makna **menyerupai sifat** atau **sama seperti**. Oleh itu, penggunaan kata 'seperti' sebelum kata adjektif apitan 'ke-...-an' adalah salah.

→ Contoh:

- Matanya **seperti kemerah-merahan** akibat kurang tidur. (X)
 - Matanya **kemerah-merahan** akibat kurang tidur. (✓)
 - Pertuturan pemuda itu **seperti kearaban** selepas pulang dari Jordan. (X)
 - Pertuturan pemuda itu **kearaban** selepas pulang dari Jordan. (✓)
- 
- 
- 
- 



-NS

B. MELAYU

kata adjektif

• Apabila kata adjektif mengalami penggandaan, maka kata nama **tidak boleh** digandakan lagi untuk menunjukkan maksud jamak.

→ Contoh:

- **Barang-barang** yang dijual di kedai itu murah-murah belaka. (X)
- **Barang** yang dijual di kedai itu murah-murah belaka. (✓)

